



SIARAN MEDIA

YB MENTERI DIGITAL RASMI MESYUARAT JAWATANKUASA PERKONGSIAN DATA NEGARA

PUTRAJAYA – Jabatan Digital Negara (JDN), jabatan di bawah Kementerian Digital telah melaksanakan mesyuarat kali pertama bagi Jawatankuasa Perkongsian Data Negara. Perasmian Mesyuarat Jawatankuasa Perkongsian Data Negara bilangan 1 tahun 2025 telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Gobind Singh Deo, Menteri Digital, pada 3 Jun 2025 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Jawatankuasa Perkongsian Data Negara ditubuhkan selaras dengan penggubalan Akta Perkongsian Data 2025 [Akta 864] yang telah berkuatkuasa mulai 28 April 2025. Bahagian II, seksyen 5 hingga seksyen 10 dalam Akta 864 telah memperuntukkan mengenai Jawatankuasa Perkongsian Data Negara.

Keanggotaan jawatankuasa iaitu; Pengerusi adalah Ketua Setiausaha kementerian yang bertanggungjawab bagi perkara berkaitan digital, anggota dan anggota silih ganti dari setiap kementerian, Jabatan Perdana Menteri, Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Agensi Keselamatan Siber Negara dan, Jabatan Perlindungan Data Peribadi. Anggota Jawatankuasa adalah dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Digital sebagaimana peruntukan seksyen 5(3) Akta 864. Timbalan Pengerusi dilantik dalam kalangan anggota Jawatankuasa oleh Pengerusi dan Ketua Pengarah Jabatan Digital Negara sebagai Setiausaha kepada Jawatankuasa.

Di antara fungsi Jawatankuasa dalam melaksanakan Akta 864 adalah termasuk untuk membuat dasar dan strategi yang berhubungan dengan perkongsian data; untuk menyelia pelaksanaan yang berkesan akta ini; untuk mengambil atau mengesyorkan langkah atau tindakan pentadbiran yang sesuai bagi menyelesaikan kesulitan atau isu pentadbiran yang timbul semasa pelaksanaan akta; untuk membuat dasar yang

berhubungan dengan pangkalan data bagi maksud perkongsian data; untuk melakukan apa-apa perkara lain yang timbul atau berbangkit daripada fungsi Jawatankuasa dibawah Akta ini selaras dengan maksud Akta ini; dan bertanggungjawab kepada Jemaah Menteri.

Penubuhan Jawatankuasa ini merupakan langkah strategik bagi memperkukuh pelaksanaan Akta 864, yang bertujuan untuk memudah cara perkongsian data secara selamat, teratur dan berstruktur antara agensi-agensi sektor awam. Inisiatif ini sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI dalam memperkasa keterangkuman digital serta mengukuhkan tadbir urus berasaskan data, demi manfaat rakyat dan kemajuan negara.

Selaras dengan komitmen Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025, yang berteraskan slogan “Keterangkuman dan Kemampanan”, penubuhan Jawatankuasa ini turut mendukung tema Kementerian Digital iaitu “Memajukan Masa Depan Digital yang Dikongsi Bersama”, sekali gus mencerminkan iltizam negara dalam membangunkan ekosistem digital yang inklusif, mampan dan berpaksikan rakyat.

JABATAN DIGITAL NEGARA
3 Jun 2025

Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat | Jabatan Digital Negara